BANK ISLAM

**Appendix 1**

# TERMS AND CONDITIONS OF "AL-AWFAR ELITE"CAMPAIGN

***(Not Protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)***

# TERMA DAN SYARAT KEMPEN "AL-AWFAR ELITE"

***(Tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)***

**Effective 29th May 2020 / Berkuatkuasa pada 29th May 2020**

## 1. DEFINITION

1.1 For the purpose of these Terms and Conditions, the following words and expressions shall have the meanings assigned to them except where the context otherwise requires:-

"**Bank"** means Bank Islam Malaysia Berhad (Company No.98127-X), a company incorporated in Malaysia under the Companies Act 2016 and having its registered address at Level 32, Menara Bank Islam, 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur.

"**Campaign**" means **"Al-Awfar Elite"** Campaign organized by the Bank in accordance with the Terms and Conditions stipulated herein.

**"Campaign Period"** means the duration of the Campaign which is from **1st May 2020** until **30th April 2021.**

**"Eligible Customers"** means Bank Islam's new or existing Al-Awfar account customers (excluding non-individual) who makes placement from Fresh Funds into Al-Awfar account during the Campaign Period and satisfies the requirement of the Eligibility criteria to participate in the Campaign.

**"Fresh Funds"** means funds which are not originated from any deposit and investment account(s) maintained with the Bank and shall not be more than 14 calendar days from the crediting date.

**"Winner"** means Eligible Customers who wins the Al-Awfar draw selected by the Al-Awfar Draw Engine.

**"Retention Period"** means the period for the Eligible Customer to maintain the placement in Al- Awfar account to participate in the Campaign which is 40 days from the date of Memorandum of Acceptance (MOA).

**"Retention Amount"** means the placement amount in the Al-Awfar Account to hold throughout Retention Period as agreed by Eligible Customer in MOA.

**"Prizes"** refers to generic Al-Awfar draw prizes.

## 1. DEFINISI

1.1. Bagi tujuan Terma-terma dan syarat-syarat ini, perkataan dan terma di bawah adalah bermaksud makna yang diberikan kepadanya :-

**"Bank"** bermaksud Bank Islam Malaysia Berhad (No. Syarikat 98127-X), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 32, Menara Bank Islam, 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur.

**"Kempen"** bermaksud Kempen **" Al-Awfar Elite"** yang dianjurkan oleh Bank menurut Terma-terma dan Syarat-syarat yang ditetapkan di sini.

**"Tempoh Kempen"** bermaksud tempoh kempen bermula dari **1 Mei 2020** hingga **30 April 2021.**

**"Pelanggan Yang Layak"** bermakna pelanggan akaun Al-Awfar Bank Islam yang baharu dan sedia ada (tidak termasuk bukan individu) yang membuat pelaburan dari Dana Baharu ke dalam akaun Al-Awfar semasa Tempoh Kempen dan memenuhi kriteria Kempen yang ditetapkan di sini.

**"Dana Baharu"** bermakna dana yang bukan daripada mana-mana akaun deposit dan pelaburan di Bank Islam dan mestilah tidak melebihi 14 tarikh kalendar daripada tarikh pengkreditan.

**"Pemenang"** bermaksud Pelanggan Yang Layak yang memenangi cabutan Al-Awfar yang dipilih dari Enjin Cabutan Al- Awfar.

**"Tempoh Pengekalan"** bermaksud tempoh bagi Pelanggan Yang Layak untuk mengekalkan pelaburan di dalam akaun Al-Awfar untuk menyertai Kempen ini iaitu selama 40 hari dari tarikh Memorandum Penerimaan (MOA).

**"Amaun Pengekalan"** bermaksud amaun pelaburan di dalam akaun Al-Awfar untuk dikekalkan sepanjang Tempoh Pengekalan seperti yang telah dipersetujui oleh Pelanggan yang Layak di dalam MOA.

**"Hadiah"** merujuk kepada hadiah cabutan Al-Awfar generik.

**TERMS AND CONDITIONS OF "AL-AWFAR ELITE"CAMPAIGN**
***(Not Protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)***
**TERMA DAN SYARAT KEMPEN "AL-AWFAR ELITE"**
***(Tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)***

**Effective 29th May 2020 / Berkuatkuasa pada 29th May 2020**

**2. ELIGIBILITY**

2.1 This Campaign is open to Eligible Customers as follows:

(i) Malaysians, Permanent Residents or Non-residents in Malaysia; and

(ii) New and existing Al-Awfar account customers who agree to all the terms and conditions of this Campaign.

2.2 Any Eligible Customer may participate in this Campaign **except** for :-
(i) Permanent and / or contract employees of the Bank;

(ii) Employees' immediate family members (spouse and children).

2.3 Al-Awfar account customers whose account have been suspended or terminated or have breached this Campaign's terms and conditions during the Campaign Period are not eligible to participate in this Campaign.

**3. ACCOUNT MAINTENANCE**

3.1 Placements made by way of cheque(s) are subject to their clearance and will only be considered as placement after the cheques are paid or cleared and will only be considered good if not returned or dishonored.

**4. CAMPAIGN MECHANICS**

4.1 Eligible Customers are required to make new or additional placement of minimum RM10,000 from Fresh Funds in Al-Awfar account during Campaign Period and retain a minimum amount of RM10,000 throughout the Retention Period.

4.2 Eligible Customers are required to complete a MOA that can be obtained and submitted at any Bank's branch to allow the Bank to retain the amount stated in MOA throughout Retention Period.

4.3 Eligible Customers who fulfilled clause 4.1 and 4.2 above shall be entitled for Eligibility Unit (EU) Multiplier for the Retention Amount as follows:

| Retention Amount (RM) | EU Multiplier |
|---|---|
| 10,000 – 49,999.99 | 5 |
| 50,000 – 99,999.99 | 7 |
| 100,000 & above | 10 |

**2. KELAYAKAN**

2.1 Kempen ini terbuka kepada Pelangan Yang Layak seperti berikut:
(i) Warganegara Malaysia, Pemastautin Tetap atau Bukan Pemastautin di Malaysia; dan
(ii) Pelanggan akaun Al-Awfar baharu dan sedia ada yang bersetuju dengan semua terma dan syarat Kempen ini.

2.2 Semua Pelanggan Yang Layak boleh menyertai Kempen ini **kecuali**:-
(i) Kakitangan Bank yang berjawatan tetap dan / atau berstatus kontrak;

(ii) Ahli keluarga terdekat (suami atau isteri dan anak-anak) kakitangan Bank.

2.3 Pelanggan akaun Al-Awfar yang akaunnya telah dibekukan, ditutup atau yang telah melanggar terma dan syarat Kempen ini semasa Tempoh Kempen adalah tidak layak untuk menyertai kempen ini.

**3. PENYELENGGARAAN AKAUN**

3.1 Pelaburan yang dibuat melalui cek adalah tertakluk kepada penjelasan cek tersebut dan akan hanya dianggap sebagai pelaburan selepas cek dibayar atau dijelaskan dan akan hanya dianggap sah jika tidak dipulangkan kerana tidak laku.

**4. KAEDAH KEMPEN**

4.1 Pelanggan Yang Layak hendaklah membuat pelaburan atau penambahan pelaburan sejumlah minimum RM10,000 dari Dana Baharu di dalam akaun Al-Awfar dalam Tempoh Kempen dan mengekalkan amaun minimum sebanyak RM10,000 sepanjang Tempoh Pengekalan.

4.2 Pelanggan Yang Layak perlu melengkapkan MOA yang boleh diperoleh dan diserahkan di mana-mana cawangan Bank untuk membenarkan pihak Bank mengekalkan jumlah yang dinyatakan dalam MOA sepanjang Tempoh Pengekalan.

4.3 Pelanggan Yang Layak yang memenuhi klausa 4.1 dan 4.2 di atas akan mendapat Gandaan Unit Kelayakan (EU) bagi Amaun Pengekalan seperti berikut:

| Amaun Pengekalan (RM) | Gandaan EU |
|---|---|
| 10,000 – 49,999.99 | 5 |
| 50,000 – 99,999.99 | 7 |
| 100,000 dan ke atas | 10 |

**TERMS AND CONDITIONS OF "AL-AWFAR ELITE"CAMPAIGN**
***(Not Protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)***
**TERMA DAN SYARAT KEMPEN "AL-AWFAR ELITE"**
***(Tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)***

**Effective 29th May 2020 / Berkuatkuasa pada 29th May 2020**

4.4 The EU will be calculated using the following formula:

$$EU = \frac{[(RA \times EUM) + AAB]}{QC}$$

*RA = Retention Amount under Al Awfar Elite Campaign*
*EUM = EU Multiplier*
*AAB = average account balance*
*QC = Qualifying Criteria of the respective draws (refer to item B(1.3) of Terms and Conditions For Al-Awfar Account).*

Illustration:

Customer A makes a placement of RM10,000 on 15 May 2020 into the Al-Awfar account and retain the placement for 40 days (15/5/2020 to 23/6/2020). Assuming the AAB of Customer A's account throughout 1 month period (1/5/2020 to 31/5/2020) is RM50,000, Customer A is eligible for Al-Awfar monthly draw where the Qualifying Criteria is RM100. The EU calculation for Customer A as follow:

EU Calculation:

$$EU = \frac{[(RM10{,}000 \times 5) + RM50{,}000]}{100}$$

EU = 1,000

4.5 The EU Multiplier shall only be applicable for the draw(s) of the month the placement is made.

4.6 Upon completion of the Retention Period, the amount retained by the Bank will be automatically released.

4.7 Subject to clause 5.2, if the Eligible Customers are selected as Winner, but the Retention Period is yet to be completed, the Prizes will only be credited by the Bank upon the completion of the Retention Period

**5. RELEASE RETENTION AMOUNT BEFORE COMPLETION OF 40 DAYS (EARLY WITHDRAWAL)**

5.1 Eligible Customers are allowed to request for early withdrawal of the Retention Amount in the account by submitting the request over the counter at any branches and automatically will not be entitled to participate in this Campaign. However, Eligible Customers are still entitled for Normal EU.

5.2 If the Winner has withdrawn the Retention Amount prior to the completion of the Retention Period, the Bank

4.4 Berikut adalah formula untuk mengira EU :

$$EU = \frac{[(RA \times EUM) + AAB]}{QC}$$

*RA = Amaun Pengekalan dibawah Kempen Al Awfar Elite*
*EUM = Gandaan EU*
*AAB = Purata baki akaun*
*QC = Kriteria Kelayakan untuk setiap cabutan (sila rujuk Terma Dan Syarat Bagi Akaun Al-Awfar di bawah perkara B(1.3)).*

Ilustrasi:

Pelanggan A membuat pelaburan sebanyak RM10,000 pada 15 Mei 2020 ke dalam Akaun Al-Awfar dan mengekalkan pelaburan selama 40 hari (15/5/2020 sehingga 23/6/2020). Dengan anggapan AAB untuk akaun Pelanggan A untuk tempoh 1 bulan (1/5/2020 sehingga 31/5/2020) ialah RM50,000, Pelanggan A layak untuk cabutan bulanan Al-Awfar di mana Kriteria Kelayakan ialah RM100. Pengiraan EU untuk Pelanggan A adalah seperti berikut:

Pengiraan EU:

$$EU = \frac{[(RM10{,}000 \times 5) + RM50{,}000]}{100}$$

EU = 1,000

4.5 Gandaan EU hanya terpakai bagi cabutan pada bulan di mana pelaburan dibuat.

4.6 Setelah tamat Tempoh Pengekalan, jumlah yang dikekalkan oleh Bank akan dilepaskan secara automatik.

4.7 Tertakluk kepada klausa 5.2, jika Pelanggan Yang Layak dipilih sebagai Pemenang tetapi Tempoh Pengekalan masih belum dipenuhi, Hadiah hanya akan dikreditkan oleh pihak Bank apabila Tempoh Pengekalan dipenuhi

**5. MELEPASKAN AMAUN PENGEKALAN SEBELUM TAMAT 40 HARI (PENGELUARAN AWAL)**

5.1 Pelanggan Yang Layak boleh memohon untuk pengeluaran awal bagi Amaun Pengekalan dalam akaun dengan menghantar permohonan melalui

will forfeit the Prizes won (if applicable) and reserves the right to select another Eligible Customer as winner.

**6. GENERAL CLAUSE IN THE T&C (CAMPAIGN)**

6.1 Eligible Customers are advised to read and understand these Terms and Conditions before participating in any of the Campaign.

6.2 To participate in the Campaign, Eligible Customers must fall within the Eligibility Criteria and fulfill the Campaign Mechanics. Unless stated otherwise by the Bank, Eligible Customers are not required to sign up or fill up any application form to participate in the said campaign.

6.3 By participating in this Campaign, the Eligible Customers:

(a) shall give consent for the Bank to disclose their personal data to the Bank's service provider to the extent necessary for the purpose of this Campaign;

(b) shall agree for the Bank to publish or display their names or photos in media, marketing or the Bank's Website for the purpose of this Campaign (where applicable); and

(c) shall agree to the Bank's decision on all matters relating to the Campaign, selection of winners and prizes via the Bank's generic draw engine shall be final, conclusive and binding on all Eligible Customers and no further correspondence and / or appeal to dispute the Bank's decision shall be entertained.

6.4 The Bank accepts no responsibility for any tax responsibilities that may arise from the prizes or the use thereof. Any tax filing obligation or tax payment (if any) due to any tax authority as a result of receipt of the prizes remains the sole responsibility of the winners. It is the responsibility of the winners to seek an independent tax advice on the possible tax responsibilities to their financial situations.

kaunter di cawangan kami dan secara automatik tidak akan layak untuk menyertai Kempen ini. Walau bagaimanapun, Pelanggan Yang Layak masih berhak mendapat EU biasa.

5.2 Jika Pemenang telah mengeluarkan Amaun Pengekalan sebelum Tempoh Pengekalan dipenuhi, pihak Bank akan membatalkan Hadiah yang dimenangi (jika ada) dan Bank berhak untuk memilih Pelanggan Yang Layak yang lain sebagai pemenang.

**6. TERMA DAN SYARAT UMUM (KEMPEN)**

6.1 Pelanggan Yang Layak adalah dinasihati untuk membaca dan memahami Terma-terma dan Syarat-syarat di sini sebelum mengambil bahagian di dalam mana-mana Kempen.

6.2 Untuk mengambil bahagian di dalam kempen kami, Pelanggan Yang Layak mestilah termasuk didalam Kriteria Kelayakan dan memenuhi Mekanisma Kempen. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh pihak Bank, Pelanggan Yang Layak tidak perlu menandatangani atau melengkapkan apa-apa borang permohonan untuk mengambil bahagian di dalam Kempen tersebut.

6.3 Dengan mengambil bahagian di dalam Kempen ini, Pelanggan Yang Layak:

(a) akan membenarkan pihak Bank untuk mendedahkan maklumat peribadinya kepada penyedia perkhidmatan Bank setakat mana yang perlu untuk tujuan Kempen ini;

(b) akan bersetuju untuk pihak Bank menerbitkan atau memaparkan nama-namanya atau gambar-gambarnya di dalam media pemasaran atau laman sesawang Bank untuk tujuan Kempen ini (dimana berkenaan); dan

(c) akan bersetuju dengan keputusan pihak Bank terhadap semua perkara berkaitan dengan Kempen ini, pemilihan para pemenang dan hadiah-hadiah melalui enjin cabutan umum pihak Bank adalah muktamad, konklusif, dan mengikat ke atas semua Pelanggan Yang Layak dan tiada surat menyurat selanjutnya dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan pihak Bank akan dilayan.

6.4 Pihak Bank dengan ini tidak bertanggungjawab bagi apa-apa tanggungjawab cukai yang mungkin timbul daripada hadiah-hadiah atau penggunaannya. Sekiranya terdapat apa-apa tanggungjawab pemfailan cukai atau bayaran cukai (sekiranya ada) kepada jabatan berkuasa yang berkenaan lanjutan daripada penerimaan hadiah-hadiah ianya tetap dibawah tanggungjawab para pemenang sepenuhnya. Adalah menjadi tanggungjawab para pemenang untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai tanggungjawab cukai yang mungkin timbul terhadap kedudukan kewangan mereka.

6.5 The Campaign prizes do not include any other incidental expenses e.g. transportation whatsoever, unless expressly stated in these terms and conditions (if any).

6.6 The prize (where applicable) is not redeemable or exchangeable for any other items or cash. Winners must accept the prize 'as it is' and must acknowledge that the Bank shall not be held responsible in the value of the prize due to the variation of prices in the market during the prize redemption / collection by the winners at the time stipulated by the Bank.

6.7 If the prize (where applicable) is not available for whatsoever reason, the Bank reserves the right to substitute the prize for any item at its absolute discretion of equivalent value or with any other items whichever the Bank deems appropriate upon the Bank issuing at least fourteen (14) days prior notice to all Eligible Customers from the date prize winner announcement is scheduled to be made by the Bank. The mode of notifications could be in writing, via electronic means or displayed at the Bank's branches and / or websites.

6.8 All winners will be contacted by the Bank, i.e. via telephone with a minimum of three (3) phone calls to arrange for collection / delivery of the prizes. The Bank will contact the winners i.e. via the Mobile Number, Office Number or Residence Number as stated in the Bank's record. In the event the winners are unable to be contacted by the Bank, the Bank reserves the right to conduct new / another draw for any Eligible Customers to be the winner. No representative of the winners is allowed to collect the prize on behalf of them.

6.9 Winners may be invited to attend prize presentation ceremony or other publicity events (if any) at the location to be advised on a later date. Winners are fully responsible for all expenses incurred in attending the said prize giving ceremony.

6.10 In compliance with the Personal Data Protection Act (PDPA) 2010, the Bank shall protect the personal data of the customers. By participating in this Campaign, winners shall consent and agree that their names and photographs may be published in any media selected by the Bank as it deems fit for publicity purposes.

6.11 The Bank and its affiliates and their respective directors, officers, employees and agents shall not be

6.5 Hadiah-hadiah di dalam Kempen ini tidak termasuk kos-kos lain seperti pengangkutan melainkan kos seperti yang dinyatakan di dalam terma dan syarat ini (jika ada).

6.6 Hadiah ini (dimana berkenaan) tidak boleh ditebus atau ditukarkan dengan hadiah lain atau wang tunai. Para pemenang hadiah mestilah menerima hadiah seperti sedia ada ("as it is") dan mengakui bahawa pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas nilai hadiah berikutan harga hadiah yang berbeza di pasaran ketika para pemenang menebus / memungut hadiah pada masa seperti yang ditetapkan oleh pihak Bank.

6.7 Jika hadiah (dimana berkenaan) yang dimenangi tidak dapat diperolehi atas apa jua sebab, pihak Bank di atas budi bicara mutlaknya berhak menggantikan hadiah lain yang sama nilai dengan hadiah yang dimenangi atau dengan apa jua hadiah yang pihak Bank anggap sesuai dengan memberikan notis kepada Pelanggan Yang Layak sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh pengumuman pemenang dijadualkan akan dibuat oleh pihak Bank. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis, melalui cara elektronik atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank mahupun di laman sesawang Bank.

6.8 Para pemenang akan dihubungi oleh pihak Bank melalui telefon sekurang-kurangnya sebanyak tiga (3) panggilan telefon kepada para pemenang bagi mengatur pemungutan / penyerahan hadiah. Pihak Bank akan menghubungi para pemenang melalui Nombor Telefon Bimbit, Nombor Telefon Pejabat atau Nombor Telefon Rumah sepertimana yang terdapat di dalam rekod pihak Bank. Sekiranya para pemenang gagal dihubungi, pihak Bank berhak untuk membuat cabutan baharu / lain untuk Pelanggan Yang Layak yang lain sebagai pemenang. Wakil para pemenang tidak dibenarkan untuk mengambil hadiah bagi pihak mereka.

6.9 Para pemenang mungkin akan dijemput untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah atau majlis seumpamanya (jika ada) di lokasi dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Para pemenang adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap segala perbelanjaan yang timbul bagi menghadiri majlis penyampaian hadiah tersebut.

6.10 Sebagai mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010, pihak Bank akan melindungi data peribadi pelanggan-pelanggan. Dengan menyertai Kempen ini, para pemenang memberikan kebenaran dan bersetuju untuk menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar mereka di mana-mana media mengikut budi bicara pihak Bank. Oleh yang demikian, pihak Bank berhak untuk menyiarkan atau

liable for any misinterpretation on facts, and / or inflicted injuries and / or loss of lives and / or valuables resulting from the prize won through this Campaign and shall not be liable, whether direct or consequential, for any loss and damage or for any personal injury and / or whatsoever suffered or sustained by the Eligible Customers / Prizes' Winners caused directly or indirectly, in whole or in part, in connection with this Campaign or their participation in this Campaign or the receipt or use of any of the prizes or may be suffered in the course of the prize giving travel and/or as a result of any act or omission on the part of the Bank whatsoever, except for any liability which cannot be excluded by law. The Bank shall not be responsible in any way whatsoever, in respect of any matters beyond the Bank's control with regard to this Campaign or anything related thereto.

6.12 The Bank reserves the rights to amend, cancel, terminate, or suspend the Campaign by providing sufficient notice not less than fourteen (14) days prior to the date of amendment, cancellation, termination or suspension. The mode of notification could be in writing, via electronic means or display of notices at the Bank's branches and / or website. For the avoidance of doubt, amendment, cancellation, termination or suspension by the Bank of the Campaign shall not entitle the customers who participate in this Campaign to any claim or compensation against the Bank for any losses or damages whatsoever suffered or incurred as a direct and indirect result of the act of amendment, cancellation, termination or suspension.

6.13 Eligible Customers / Prizes' Winners are advised to access the Bank's website from time to time to view the Terms and Conditions and to ensure to be kept up-to-date on any change or variation to the Terms and Conditions thereof.

6.14 The Terms and Conditions herein contained are in addition to and without prejudice to Al-Awfar Investment Account terms and conditions. In the event of any inconsistency between these terms and conditions, this Terms and Conditions shall prevail with regards to this Campaign.

6.15 The Terms and Conditions herein shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and the customers agree to submit to the jurisdiction of the Courts of Malaysia.

**For more information, please visit Bank Islam branches or call our Contact Centre & Customer Care at 03 26 900**

memaparkan nama dan gambar para pemenang bagi tujuan promosi atau publisiti.

6.11 Pihak Bank dan sekutunya berserta pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen yang terlibat tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dalam pentaksiran fakta, dan/atau sebarang kecederaan dan / atau kehilangan ke atas nyawa dan / atau kerugian harta benda berikutan hadiah yang dimenangi menerusi Kempen ini dan adalah tidak bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun samada secara langsung atau tidak langsung, ke atas sebarang kerugian atau kerosakan atau apa-apa kecederaan peribadi dan / atau apa-apa yang dialami oleh Pelanggan Yang Layak yang berlaku secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, berhubung dengan penyertaan pelanggan dalam Kempen atau penerimaan atau semasa menggunakan hadiah atau apa-apa yang dialami semasa dalam perjalanan untuk menebus atau mengambil hadiah dan / atau akibat daripada sebarang tindakan atau pengabaian apa juga dari pihak Bank, kecuali apa-apa liabiliti yang tidak dikecualikan oleh undang-undang. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun bagi segala urusan di luar bidang dan kawalan pihak Bank dalam pentadbiran dan pemprosesan Kempen ini.

6.12 Pihak Bank berhak untuk meminda, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis, melalui media elektronik atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank mahupun di laman sesawang Bank. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen oleh pihak Bank, tidak membolehkan para pelanggan yang menyertai Kempen ini membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap pihak Bank bagi sebarang kerugian atau kerosakan atau apa jua yang ditanggung atau dialami oleh para pelanggan samada secara langsung dan tidak langsung akibat daripada pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.

6.13 Pelanggan Yang Layak / Pemenang Hadiah adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang Bank dari masa ke semasa untuk menyemak Terma-Terma dan Syarat-Syarat untuk mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat ini.

6.14 Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tambahan dan tanpa prejudis kepada terma-terma dan syarat-syarat Akaun Pelaburan Al-Awfar. Sekiranya ada di antara terma-terma dan syarat-syarat tersebut yang tidak konsisten, Terma-terma

**900 or visit our website at http://www.bankislam.com.my.**

dan Syarat-syarat ini akan diguna pakai berhubung Kempen ini.

6.15 Semua Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tertakluk dan akan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk terikat dengan bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia

Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi cawangan Bank Islam atau hubungi Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan kami di 03 26 900 900 atau layari laman sesawang kami di http://www.bankislam.com.my